

01 APR 2001

KEMENTERIAN KERJA RAYA BANYAKKAN AKTIVITI PEMBINAAN, KATA SAMY VELLU

SUNGAI SIPUT, 1 Apr (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya merancang membanyakkan lagi aktiviti pembinaan sebagai usaha mengaktifkan ekonomi negara ekoran kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Menterinya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat akan memberi kesan kepada Malaysia dan langkah-langkah berkesan perlu diambil segera.

"Penambahan peruntukan untuk memapankan ekonomi negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini adalah untuk kepentingan ekonomi negara," katanya selepas merasmikan pembukaan Kursus Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin Peringkat Sungai Siput di sini, hari ini.

Beliau berkata setakat ini, kementerian belum menerima arahan daripada Kementerian Kewangan mengenai pelaksanaan projek pembinaan atau infrastruktur baru.

"Buat masa ini kami menumpukan perhatian kepada pelbagai projek yang bernilai RM3.4 bilion yang sepatutnya boleh disiapkan tahun ini juga," katanya.

-- BERNAMA

KAY NAK